

PENILAIAN REKABENTUK KURIKULUM PROGRAM BERDASARKAN DIMENSI LATIHAN MENGAJAR

Syed Lamsah bin Syed Chear, Hafizah binti Kusnek@Khusni, Nurul Ain binti Ismail
dan Norsyahida binti Mat Nazir

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor,
Jalan Timur Tambahan, 47000 Bestari Jaya, Selangor Darul Ehsan
Email: syedlamsah@unisel.edu.my

Abstrak Persaingan merebut kedudukan universiti terbaik dan tekanan untuk memenuhi keperluan industri dan kebolehpasaran graduan menuntut universiti mengemaskini struktur kurikulum agar seiring perkembangan semasa. Objektif kajian ini adalah untuk menilai pencapaian objektif pembelajaran berdasarkan dimensi latihan mengajar (praktikum). Maklumbalas pelajar diperoleh melalui borang soal-selidik yang diedarkan ketika mereka menghadiri taklimat praktikum. Responden terdiri daripada pelajar Diploma Pendidikan yang akan menjalani latihan mengajar selama 8 - 14 minggu di prasekolah terpilih. Pencapaian objektif program diukur berdasarkan perbandingan antara pengalaman pembelajaran (PB) di universiti dengan tahap kesediaan pelajar untuk menjalani latihan mengajar di prasekolah (KP). Didapati pelajar paling bersedia daripada aspek mengurus aktiviti kokurikulum, diikuti menampilkan sahsiah & personaliti diri, kemahiran mengajar dan mengurus rutin harian. Manakala pengalaman pembelajaran terbaik para pelajar semasa di universiti adalah berkaitan pembentukan sahsiah & personaliti, diikuti mengurus rutin harian, pengetahuan dan mengurus aktiviti kokurikulum. Rumusan daripada analisis ini menunjukkan terdapat gap lebih tinggi KP-PB pada domain pengetahuan dan mengurus aktiviti kokurikulum, manakala nilai lebih rendah pada domain kemahiran mengajar, mengurus rutin harian dan penampilan (sahsiah & personaliti). Gap sebegini menunjukkan para pelajar bersedia daripada aspek pengetahuan dan kemahiran mengurus aktiviti kokurikulum sebaliknya mereka tidak yakin memiliki kemahiran mengajar, menampilkan diri di sekolah serta membuat persediaan untuk menjalani praktikum. Maklumbalas ini memberi petunjuk kepada institusi untuk memperhalusi rekabentuk kurikulum bagi melahirkan graduan yang diperlukan di industri.

Kata-kunci pengalaman pembelajaran, keyakinan latihan mengajar, penilaian kurikulum

1. Pengenalan

Dunia sedang melangkah memasuki era Revolusi Industri 4.0 (Dragan, Jelena & Davor, 2016). Revolusi Industri 4.0 tidak dapat disekat jika melihat kepada perubahan sekeliling seperti kemajuan teknologi komunikasi, struktur mega organisasi yang bersifat multi-nasional dan pelbagai gerakan sedunia yang semakin terangkai antara satu sama lain (IFTF, 2011). Senario dalam negara khususnya berkaitan kebolehpasaran graduan agak membimbangkan. Pengangguran belia di Malaysia mencecah 10.7% iaitu tiga kali ganda lebih tinggi berbanding 3.1% kadar pengangguran negara (Bank Negara Malaysia, 2017). Apa yang lebih membimbangkan ialah kadar pengangguran dalam kalangan belia yang berpendidikan tinggi adalah lebih tinggi iaitu 15.3% berbanding 9.8% untuk belia yang tidak berpendidikan tertiar. Jabatan Perangkaan Malaysia pada 28 April 2017 turut melaporkan terdapat peningkatan 0.7% kadar pengangguran populasi berusia 25 – 29 tahun iaitu daripada 3.5% pada tahun 2015 kepada 4.2% pada tahun 2016 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017).

Walaupun pakar-pakar ekonomi sependapat bahawa pengangguran pada kadar di bawah 4.0% menunjukkan ekonomi negara masih berada pada tahap yang baik (OECD, 2017), namun Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) perlu mengambil langkah proaktif untuk memastikan kurikulum program sejajar dengan keperluan industri bagi menjamin kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan. Institusi pendidikan perlu dari semasa ke semasa menilai penyampaian kurikulum untuk mengukur pencapaian objektif pembelajaran. Kurikulum program perlu berpaksikan kepada matlamat untuk melahirkan generasi yang memiliki kemahiran-kemahiran abad ke 21 iaitu kreatif mengurus masalah, kerja sepasukan, komunikasi berkesan di media,

mengikuti perkembangan teknologi, mengurus lambakan maklumat serta sensitif dan kemahiran silang-budaya (Sural, 2017).

Penilaian merupakan satu proses untuk mengenalpasti, menjelas dan mempertahankan kriteria yang telah dipersetujui untuk menentukan nilai sesuatu objek (Fitzpatrick et al., 2004). Tujuan penilaian adalah untuk menentukan keberkesanan program serta membantu institusi membuat keputusan untuk menambahbaik program serta membuat pertimbangan mengenai pelajar dan guru termasuk berkaitan pentadbiran dan peraturan-peraturan (Cronbach, 1963). Kebanyakan pengkaji merumuskan bahawa tujuan utama penilaian kurikulum adalah untuk menentukan samada objektif kurikulum telah dilaksanakan atau mencapai keputusan yang diinginkan (Ornstein & Hunskin, 2009; Scriven, 1967; Stufflebeam, 1971; Tyler, 1950). Pelbagai model boleh digunakan untuk menilai kurikulum (Borg & Gall, 1983; Madaus, 1983; Smith, 1994; Worthen & Sanders, 1973). Model yang baik adalah yang bersesuaian dengan kehendak penilai, matlamat dan tujuan penilaian. Model Penilaian Tyler merupakan antara model penilaian kurikulum yang terawal. Model ini memfokus kepada tujuan dan objektif yang spesifik serta setakat mana tujuan dan objektif tersebut telah dicapai. Tyler memperkenalkan tujuh langkah iaitu; i) menentukan tujuan dan objektif, ii) mengklasifikasi tujuan dan objektif, iii) mentakrifkan objektif dari segi tingkahlaku, iv) mengenalpasti situasi dimana pencapaian objektif dapat dilihat, v) membangun dan memilih kaedah pengukuran, vi) memungut data, dan vii) membandingkan prestasi dengan objektif yang telah ditetapkan. Perbezaan antara prestasi dan objektif akan membantu membuat modifikasi dan penambahbaikan bagi membetulkan kekurangan yang ada.

Dalam bidang perguruan, latihan mengajar merupakan peringkat terakhir praperkhidmatan sebelum guru-guru pelatih ditempatkan ke sekolah. Keberkesanan latihan mengajar telah mendapat perhatian ramai pengkaji tempatan mencakupi skop peranan guru pembimbing (Noor Azlan & Mei, 2011), impak penyeliaan praktikum (Ruhani, 2012), cabaran-cabaran yang dihadapi guru pelatih (Goh & Matthews, 2011) serta isu-isu berkaitan kualiti program (Mohd Fuad, Naemas & Mohd Hilmi, 2014). Antara yang disarankan adalah pelajar perlu diberi lebih pendedahan tentang keadaan di sekolah sebelum mereka keluar menjalani latihan mengajar (Mohd Sofi, Abdul Jalil & Abdul Faruk, 2013). Institusi latihan perlu mengambil inisiatif untuk menilai silibus dan pendekatan pengajaran kursus-kursus prapraktikum seperti Pengantar Pedagogi dan Pengajaran Mikro agar para pelajar dapat menguasai dan dilatih dalam pelbagai aspek kemahiran mengajar dengan lebih berkesan (Mohd Fuad, Naemas & Mohd Hilmi, 2014). Saranan-saranan ini menjadi dorongan untuk memulakan penyelidikan ini. Kesyediaan pelajar untuk menjalani latihan mengajar dapat dikaitkan kepada keberkesanan penyampaian kurikulum. Maka adalah sesuatu yang rasional untuk menilai kurikulum program berdasarkan kepada domain latihan mengajar.

Kajian ini berlingkar kepada cubaan untuk merungkai permasalahan ketidaksepadanan antara keupayaan graduan yang dihasilkan oleh universiti dengan keperluan industri. Kegagalan universiti menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjalani latihan mengajar dikhuatiri akan menyebabkan para pelajar tertekan seterusnya gagal menghayati aspirasi latihan mengajar. Maka, objektif utama kajian ini adalah untuk mengukur pencapaian objektif program (hasil pembelajaran) berdasarkan dimensi latihan mengajar. Dimensi ini merujuk kepada kesediaan pelajar terhadap lima domain penilaian latihan mengajar iaitu pengetahuan tentang kandungan kursus, kemahiran merancang dan melaksana pengajaran, keupayaan terlibat dengan aktiviti kokurikulum, pengurusan rutin harian dan keperibadian. Persoalan-persoalan yang ingin dijawab adalah:-

- (i) Adakah pengalaman pembelajaran di institusi berjaya menyediakan pelajar untuk menjalani latihan mengajar?
- (ii) Bagaimanakah rekabentuk kurikulum dapat ditambahbaik?

Hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai sumber perbincangan bagi penilaian rekabentuk kurikulum program dan membuat keputusan berkaitan pemurnian kurikulum. Ia penting untuk memastikan program-program yang ditawarkan terus diterima di industri. Peluang melakukan


pemurnian kurikulum mampu meningkatkan daya saing institusi merebut pelajar terbaik dipasaran serta menyokong halatuju dan potensi kerjaya pelajar.

2. Kaedah Kajian

Data kajian merupakan maklumbalas pelajar sebelum mengikuti latihan mengajar (praktikum). Borang soal-selidik diedarkan ketika mereka menghadiri taklimat praktikum dan pelajar diberi peluang mendapatkan penjelasan daripada pengkaji mengenai kehendak setiap soalan.

2.1 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian seperti di Rajah 1. Pencapaian objektif program diukur selepas satu kitaran lengkap pembelajaran (Abbadeni, Ghoneim & Alghamdi, 2013). Pihak industri dan para pelajar merupakan pemegang taruh utama manakala pihak berkepentingan lain adalah para pensyarah, pentadbir, ibu-bapa dan agensi berkaitan (Muratova & Tayurskaya, 2014). Hubungan pelajar dengan industri boleh dijadikan petunjuk pencapaian hasil pembelajaran (Rowe & Zagwaard, 2017). Bagi program pendidikan, latihan mengajar merupakan peringkat praperkhidmatan sebelum alam kerjaya serta dianggap prasyarat kelayakan untuk menjadi pendidik. Penilaian latihan mengajar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) mencakupi empat komponen iaitu pengetahuan tentang kandungan kursus; kemahiran merancang dan melaksanakan pengajaran; kemahiran kokurikulum; dan kemahiran insaniah seperti pengurusan masa, sahsiah dan personaliti diri dan kesemua empat komponen ini bersejajaran dengan hasil pembelajaran program. Analisis daripada semua komponen dapat digunakan untuk menyemak, menilai serta menambahbaik kurikulum program.



Rajah 1. Rekabentuk Penilaian Kurikulum (adaptasi dari Model Tyler)

2.2 Populasi dan Sampel Kajian

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial (FPSS) merupakan fakulti kedua terbesar di Universiti Selangor dengan jumlah pelajar sekitar 2000 – 3500 pelajar pada satu-satu masa. Program pendidikan prasekolah dan pengajian awal kanak-kanak merupakan antara program paling popular yang menyumbang hampir 60% daripada populasi pelajar. Responden terdiri daripada 323 pelajar program Diploma Pendidikan (Pengajian Prasekolah) yang akan mengikuti latihan mengajar selama 8 – 14 minggu bermula pada Februari 2018. Jumlah ini mewakili 30 – 45% daripada jumlah pelajar pendidikan yang bergraduasi pada tahun berkenaan.

2.3 Instrumen (Borang Soal-selidik)

Borang soal-selidik terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A membekalkan maklumat pelajar iaitu tahap pengajian, kelayakan masuk, pengalaman, CGPA semasa dan jumlah kredit terkumpul. Bahagian B menyenaraikan 14 pernyataan yang dapat dikaitkan kepada faktor-faktor yang mendorong pelajar memilih program (item 6 - 19). Di bahagian ini para pelajar diminta memilih tiga pernyataan mengikut keutamaan iaitu yang paling sesuai dengan diri masing-masing. Bahagian C adalah untuk mengukur ketrampilan pelajar berdasarkan penilaian pelajar terhadap (a) kesediaan untuk mengikuti latihan mengajar, dan (b) pengalaman pembelajaran berdasarkan peluang dan kemudahan yang disediakan untuk menimba pengalaman. Soalan-soalan dibahagikan kepada lima komponen iaitu:

- i) pengetahuan tentang kandungan kursus (soalan 1 - 4 / soalan 5 - 8)
- ii) perancangan dan pelaksanaan pengajaran (soalan 9 - 12 / soalan 13 - 16)
- iii) penglibatan dalam aktiviti kokurikulum (soalan 17 - 20 / soalan 21 - 24)
- iv) pengurusan rutin harian (soalan 25 - 28 / soalan 29 - 32) dan
- v) sahsiah dan personaliti diri (soalan 33 - 36 / soalan 37 - 40)

Setiap komponen terdiri daripada lapan pernyataan iaitu empat pernyataan berkaitan pengalaman pembelajaran semasa di universiti dan empat pernyataan merujuk kepada tahap keyakinan atau kesediaan pelajar untuk keluar universiti dan menjalani latihan mengajar. Setiap pernyataan diberi lima pilihan jawapan berskala ordinal untuk menunjukkan kedudukan relatif setiap pilihan jawapan iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). Penyusunan sebegini mematuhi prinsip asal skala Likert (Likert, 1932).

2.4 Analisis Data

Pengukuran tahap keyakinan pelajar menjalani latihan mengajar serta persepsi mereka terhadap pengalaman pembelajaran semasa di universiti adalah berdasarkan statistik deskriptif iaitu berpandukan kepada nilai kekerapan (frekuensi) dan peratusan kekerapan (%). Kaedah analisis kuantitatif empirikal digunakan untuk mengkaji sesuatu corak dan kelaziman yang melibatkan sekumpulan besar individu dalam struktur sistem sosial yang berskala lebih besar (van Elst, 2019). Pengkaji-pengkaji dalam bidang sains sosial, kemanusiaan dan ekonomi sejak dahulu bergantung kepada analisis kuantitatif untuk merumus pemerhatian terhadap elemen sikap, perwatakan dan personaliti yang asalnya bersifat kualitatif (Boone & Boone, 2012).

Perbandingan kesediaan latihan mengajar (praktikum) dengan pengalaman pembelajaran adalah berdasarkan kombinasi nilai setiap pernyataan bagi satu-satu komponen mengikut *Steven's Scale of Measurement* (Ary, Jacobs, & Sorenson, 2010) iaitu mengambil nilai purata dan sisihan piawai yang terkumpul daripada setiap pernyataan. Ianya berdasarkan kepada skala 1 sehingga 5 bagi setiap pernyataan iaitu 1 – Sangat Tidak Setuju (STS), 2 - Tidak Setuju (TS), 3 - Tidak Pasti (TP), 4 - Setuju (S) dan 5 - Sangat Setuju (SS). Analisis sebegini adalah berdasarkan kepada prinsip asal yang dikemukakan oleh Likert (Likert, 1932). Nilai bagi setiap komponen dianggap mewakili satu komponen tahap kesediaan atau keyakinan.

3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

3.1 Profil Responden

Majoriti responden mengikuti program diploma pendidikan selepas tamat persekolahan menengah tanpa pengalaman industri. Sebilangan kecil iaitu 20% memiliki kelayakan masuk lebih tinggi iaitu Matrikulasi, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan kelulusan setara

lain. Oleh kerana edaran borang soal-selidik adalah semasa taklimat praktikum, maka hampir kesemua responden telah memenuhi prasyarat praktikum iaitu lulus 90% kerja kursus. Prestasi akademik responden adalah baik iaitu 44.5% mencapai CGPA melebihi 3.00 (gred baik) dan selebihnya 51.4% antara 2.50 - 3.00 (gred sederhana). Responden iaitu para pelajar Diploma Pendidikan amnya, mempunyai perspektif positif terhadap program yang diikuti. Walaupun terikat dengan pengaruh ibu-bapa (18.1%), para pelajar rata-rata suka kepada kanak-kanak (18.1%), minat mengajar (12.5%), ingin mencuba (12.5%) dan menjadikan ibu-bapa (9.7%) dan guru (8.3%) sebagai model. Dapatan kajian bahawa penuntut-penuntut menyanjung institusi dan program yang diikuti boleh ditemui dalam kajian setara (Dimon et al., 2017). Maklumat latarbelakang responden adalah seperti di Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3.

Jadual 1. Kelayakan Akademik

Kelayakan	Bil.	Peratus (%)
SPM	56	77.8
Matrikulasi	2	2.8
STPM	12	16.6
Lain-lain	2	2.8

Jadual 2. Pencapaian Akademik

CGPA	Bil.	Peratus (%)
≥ 3.50	4	5.6
$3.00 \leq \text{CGPA} < 3.50$	28	38.9
$2.50 \leq \text{CGPA} < 3.00$	37	51.4
$\text{CGPA} < 2.50$	3	4.2

Jadual 3. Faktor-faktor Mendorong Pemilihan Program

Faktor	Bil.	Peratus (%)	Faktor	Bil.	Peratus (%)
Pilihan ibu-bapa	13	18.1	Status tinggi dalam agama	4	5.6
Suka kepada kanak-kanak	13	18.1	Pilihan terakhir	4	5.6
Minat mengajar	9	12.5	Sesuai untuk wanita	3	4.2
Hendak mencuba	9	12.5	Pengaruh rakan	1	1.4
Ibu-bapa sebagai model	7	9.7	Suka suasana sekolah	1	1.4
Jadikan guru sebagai model	6	8.3	Sebab-sebab lain	2	2.8

3.2 Pengalaman Pembelajaran

Pengalaman pembelajaran pelajar sewajarnya sejajar dengan objektif program (PEO) dan hasil pembelajaran kursus (CLO). Sebilangan program tertakluk kepada badan-badan profesional seperti Lembaga Arkitek Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia, Majlis Perubatan Malaysia (MMC), Majlis Pergigian Malaysia, Lembaga Farmasi Malaysia, Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan sebagainya yang mengawal sesuatu profesion. Standard Program Pendidikan yang dibangunkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebagai badan kawalan kualiti program untuk Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) mewajibkan latihan profesional dalam bidang kerjaya yang berkaitan (MQA, 2014). Ia disebut sebagai praktikum atau latihan mengajar dengan pemberatan sehingga 10% daripada jumlah kredit bergraduat. Penilaian terhadap latihan mengajar mencakupi lima domain utama iaitu pengetahuan tentang kandungan kursus, kemahiran mengajar, penglibatan dalam aktiviti kokurikulum, pengurusan rutin harian dan penampilan diri. Maklumbalas responden berkaitan latihan mengajar adalah seperti berikut:

a) Pengetahuan tentang kandungan kursus

Sebilangan besar pelajar bersetuju bahawa mereka dapat mengikuti kuliah dengan baik [(SS, 15.3%) (S, 62.5%)], memahami pengajaran (S, 63.9%) walaupun tidak begitu mengingatnya (S, 41.7%). Para pelajar menghargai kesungguhan pensyarah [(SS, 8.3%) (S, 61.1%)] dan berpuashati dengan gred yang diterima (S, 45.8%). Namun begitu tidak sampai separuh daripada pelajar bersetuju terdapat kemudahan pembelajaran yang baik di fakulti (S, 43.1%). Yang baiknya, sebilangan besar para pelajar masih memiliki buku-buku dan nota kursus [(SS, 36.1%) (S, 50%)] dan mereka juga bersedia untuk mengulangkaji (S, 61.1%) sebagai

menunjukkan kesediaan para pelajar untuk menjalani latihan mengajar. Perincian tentang keyakinan pelajar terhadap pengetahuan ditunjukkan di Jadual 4.

Jadual 4. Keyakinan pelajar tentang pengetahuan yang dimiliki

Pernyataan	Peratus (%)				
	TT	STS	TS	S	SS
Saya dapat mengikuti kuliah dengan baik.	-	1.4	20.8	62.5	15.3
Terdapat kemudahan pembelajaran yang baik.	4.2	30.6	22.2	43.1	-
Saya dapat memahami pengajaran yang disampaikan.	-	2.8	30.6	63.9	2.8
Pensyarah bersungguh-sungguh.	-	4.2	26.4	61.1	8.3
Saya masih mengingati kandungan kursus.	-	-	52.8	41.7	1.4
Saya berpuashati dengan gred kursus.	-	27.8	22.2	45.8	4.2
Saya bersedia untuk mengulangkaji.	1.4	4.2	30.6	61.1	2.8
Saya masih memiliki buku dan nota kursus.	-	1.4	12.5	50.0	36.1

b) Kemahiran mengajar

Majoriti pelajar bersetuju bahawa mereka telah mempelajari teori-teori berkaitan teknik dan pendekatan mengajar [(SS, 18.1%) (S, 62.5%)] dan dapat mengikuti kuliah (S, 75%). Peratusan besar para pelajar bersetuju bahawa mereka mempunyai pengetahuan tentang penyediaan bahan mengajar (S, 63.9%) serta menggunakan alat bantu mengajar (S, 61.1%). Namun kurang separuh menyatakan bahawa mereka mempunyai pengetahuan tentang teknik dan kaedah mengajar (S, 44.7%) dan pengurusan bilik darjah (S, 41.7%). Mereka juga menyatakan bahawa pengetahuan dan kemahiran mereka telah diuji (SS, 12.7%) (S, 47.2%) dan berpuashati dengan gred kursus (S, 30.6%). Tahap kesediaan atau keyakinan pelajar mengenai kemahiran mengajar ditunjukkan di Jadual 5.

Jadual 5. Keyakinan pelajar terhadap kemahiran merancang pengajaran dan mengajar

Pernyataan	Peratus (%)				
	TT	STS	TS	S	SS
Saya mempunyai pengetahuan mengenai teknik dan kaedah pengajaran berkesan.	-	2.8	48.6	44.4	4.2
Saya telah mempelajari teori-teori berkaitan teknik dan kaedah mengajar.	-	2.8	16.7	62.5	18.1
Saya mempunyai pengetahuan mengenai cara-cara untuk menyediakan bahan pengajaran.	-	2.8	30.6	63.9	2.8
Saya dapat mengikuti kuliah teknik dan kaedah mengajar.	-	6.9	12.5	75.0	5.6
Saya mempunyai pengetahuan mengenai penggunaan alat bantu mengajar.	-	2.8	31.9	61.1	4.2
Pengetahuan dan kemahiran saya tentang teknik dan kaedah mengajar telah diuji.	-	6.9	33.3	47.2	12.5
Saya mempunyai pengetahuan pengurusan bilik darjah.	-	5.6	50.0	41.7	2.8
Saya berpuashati dengan gred yang dicapai.	1.4	22.2	40.3	30.6	5.6

c) Penglibatan dalam aktiviti kokurikulum

Para pelajar rata-rata berminat [(SS, 34.7%) (S, 44.4%)] dan bersedia [(SS, 33.3%) (S, 44.4%)] untuk terlibat dengan aktiviti kokurikulum di sekolah. Bagaimanapun didapati para pelajar kurang terlibat dengan kegiatan sebegini semasa mereka berada di universiti. Kajian menunjukkan kurang daripada separuh menyatakan mereka berpeluang terlibat dengan aktiviti kokurikulum [(SS, 6.9%) (S, 38.9%)], dan hanya sebilangan kecil aktif terlibat dengan aktiviti kokurikulum semasa menuntut di universiti [(SS, 6.9%) (S, 16.7%)]. Akibat daripada itu lebih daripada separuh daripada kumpulan pelajar ini menyatakan mereka tidak pasti atau meragui kebolehan mereka untuk mengelola (TP, 56.9%) atau memimpin (TP, 61.1%) aktiviti

kokurikulum di sekolah. Peratusan tinggi pelajar bersetuju bahawa mereka mendapat pengalaman berguna apabila menyertai aktiviti kokurikulum di universiti [(SS, 6.9%) (S, 51.4%)], tetapi kurang daripada separuh bersetuju bahawa keperibadian dan personaliti mereka bertambah baik setelah menyertai aktiviti kokurikulum di universiti [(SS, 5.6%) (S, 37.5%)]. Perincian tentang perspektif pelajar mengenai domain kokurikulum ditunjukkan di Jadual 6.

Jadual 6. Penglibatan dalam aktiviti kokurikulum

Pernyataan	Peratus (%)				
	TT	STS	TS	S	SS
Saya berminat menyertai kegiatan kokurikulum di sekolah. Saya diberi peluang terlibat dengan aktiviti kokurikulum di universiti.	1.4 6.9	1.4 12.5	18.1 34.7	44.4 38.9	34.7 6.9
Saya bersedia aktif menyertai kegiatan kokurikulum di sekolah. Saya aktif terlibat dengan aktiviti kokurikulum di universiti.	- 6.9	- 22.2	22.2 47.2	44.4 16.7	33.3 6.9
Saya berkebolehan mengelola aktiviti kokurikulum di sekolah. Saya mendapat pengalaman berguna dengan menyertai aktiviti kokurikulum di universiti.	1.4 4.2	9.7 11.1	56.9 26.4	19.4 51.4	12.5 6.9
Saya boleh memimpin aktiviti kokurikulum di sekolah. Peribadi dan personaliti saya bertambah baik setelah terlibat dengan aktiviti kokurikulum.	1.4 2.8	8.3 9.7	61.1 44.4	18.1 37.5	11.1 5.6

d) Pengurusan rutin harian

Peratusan tinggi pelajar bersetuju bahawa mereka memahami bidang tugas guru prasekolah [(SS, 11.1%)(S, 66.7%)]. Mereka juga bersetuju bahawa kursus-kursus yang diikuti membantu mereka menjiwai peranan mereka sebagai guru prasekolah [(SS,13.9%)(S, 65.3%)] selain membantu untuk memahami perihal pentadbiran dan budaya sekolah [(SS, 9.7%) (S, 65.3%)]. Para pelajar setuju telah mendapat penerangan untuk memulakan latihan mengajar [(SS, 11.1%)(S, 72.2%)], dan lantaran itu mereka telah membuat persediaan yang diperlukan iaitu meninjau lokasi sekolah [(SS, 33.3%) (S, 34.7%)] dan persediaan penempatan [(SS,13.9%) (S, 41.7%)]. Mereka juga berkeyakinan akan dapat menguruskan masa di sekolah [(SS, 5.6%) (S, 55.6%)]. Perincian kesediaan pelajar untuk mengurus rutin harian bagi tujuan latihan mengajar di sekolah ditunjukkan di Jadual 7.

Jadual 7. Kesediaan untuk mengurus rutin seharian

Pernyataan	Peratus (%)				
	TT	STS	TS	S	SS
Saya memahami organisasi dan pentadbiran sekolah. Kursus-kursus yang diikuti membantu saya memahami pentadbiran dan budaya sekolah.	- -	4.2 2.8	59.7 22.2	36.1 65.3	- 9.7
Saya memahami bidang tugas guru prasekolah. Kursus-kursus yang diikuti membantu saya menjiwai peranan guru prasekolah.	- -	1.4 -	20.8 20.8	66.7 65.3	11.1 13.9
Saya yakin dapat menguruskan masa di sekolah. Saya mendapat penerangan dan bantuan untuk memulakan latihan mengajar.	- -	- -	38.9 16.7	55.6 72.2	5.6 11.1
Saya telah menguruskan penempatan dan pengangkutan untuk memulakan latihan mengajar di sekolah. Saya telah meninjau lokasi sekolah saya.	4.2 8.3	8.3 6.9	31.9 16.7	41.7 34.7	13.9 33.3

e) Sahsiah dan personaliti diri

Perincian tentang kesediaan daripada aspek sahsiah dan personaliti para pelajar ditunjukkan di Jadual 8. Kelompok besar pelajar bersetuju mereka mendapat bimbingan [(SS, 15.3%) (S,

65.3%)] dan turut berusaha [(SS, 29.2%) (S, 65.3%)] untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan membina perwatakan diri. Lebih daripada separuh bersetuju telah diberi pendedahan untuk menempuh alam pekerjaan [(SS, 18.1%) (S, 55.6%)], mengambil tahu isu-isu semasa [(SS, 5.6%) (S, 51.4%)] serta mementingkan pemakaian, perwatakan dan penampilan diri semasa mereka berada di universiti [(SS, 31.9%) (S, 55.6%)]. Namun begitu terdapat kebimbangan tentang kemahiran insaniah yang dimiliki oleh para pelajar. Hanya separuh bersetuju bahawa percakapan dan pertuturan mereka jelas, teratur dan mudah difahami [(SS, 9.7%) (S, 41.7%)], berfikiran matang dan bersedia untuk berkomunikasi dengan komuniti sekolah [(SS, 15.3%) (S, 34.7%)] dan berkeyakinan bahawa mereka dapat diterima oleh kanak-kanak prasekolah [(SS, 15.3%) (S, 31.9%)].

Daripada satu sudut perspektif, perkembangan personaliti pelajar tidak perlu dibimbangkan kerana ia didapati akan meningkat positif semakin lama pelajar mengikuti latihan mengajar (Salleh, 2016). Namun terdapat kajian menunjukkan bahawa kekurangan tersebut mungkin mendorong kepada isu yang lebih besar. Menurut Makhbul, Yussof dan Awang (2015), terdapat jurang besar prestasi yang diharapkan oleh para majikan terhadap graduan IPT khususnya dalam aspek komunikasi dan interpersonal di mana majikan beranggapan graduan belum mencapai kemahiran yang diperlukan. Kemahiran insaniah dikatakan mempunyai aras persetujuan yang tinggi terhadap kebolehpasaran graduan (Mohamad Zamri & Ahmad, 2017). Ali dan rakan-rakan (2016) dalam kajian terhadap sekumpulan pelajar di sebuah universiti awam ternama mendapati pelajar pra-siswazah tidak yakin dengan penggunaan ijazah mereka dalam memilih kerjaya. Analisis lebih terperinci yang dilakukan oleh Rahman dan rakan-rakan (2017) terhadap corak kebolehpasaran graduan antara tahun 2010-2015 mendapati sebahagian besar pelajar di institusi pengajian tinggi peka dengan keperluan dan permintaan pasaran kerja serta sedar akan persediaan yang perlu dilakukan untuk menangani persaingan yang wujud dalam alam pekerjaan.

Jadual 8. Kesiediaan untuk menampilkan sahsiah dan personaliti diri

Pernyataan	Peratus (%)				
	TT	STS	TS	S	SS
Pertuturan saya jelas, teratur dan mudah difahami.	-	1.4	47.2	41.7	9.7
Saya dibimbing untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan membina perwatakan diri di universiti.	1.4	2.8	15.3	65.3	15.3
Saya mementingkan perwatakan dan penampilan diri.	-	4.2	8.3	55.6	31.9
Saya berusaha meningkatkan kemahiran berkomunikasi, perwatakan dan penampilan diri.	-	-	5.6	65.3	29.2
Saya berfikiran matang dan bersedia untuk memulakan komunikasi dengan guru-guru dan ibu-bapa di sekolah.	-	-	50.0	34.7	15.3
Saya mengambil tahu isu-isu semasa dan digalakkan berfikiran matang.	1.4	4.2	37.5	51.4	5.6
Saya yakin dapat diterima oleh kanak-kanak prasekolah.	-	4.2	48.6	31.9	15.3
Saya diberi keyakinan untuk menempuh alam pekerjaan.	-	4.2	22.2	55.6	18.1


3.3 Perbandingan ukuran pengalaman pembelajaran dengan kesiediaan menjalani latihan mengajar (praktikum)

Setiap satu daripada domain latihan mengajar yang dinilai seperti di Jadual 4, 5, 6, 7 dan 8 mengukur dua perspektif iaitu empat pernyataan berkaitan tahap keyakinan untuk menjalani latihan mengajar (praktikum) dan empat pernyataan bertentangan yang mengukur pengalaman pembelajaran. Bagi pengukuran perspektif pertama iaitu tahap keyakinan pelajar untuk menjalani latihan mengajar, kesiediaan tertinggi adalah untuk mengurus aktiviti kokurikulum (3.70) diikuti menampilkan sahsiah & personaliti diri (3.61), kemahiran mengajar (3.59), dan mengurus rutin harian (3.56). Manakala pengukuran bagi perspektif kedua iaitu perihai pengalaman pembelajaran di institusi juga didapati pendedahan terbaik adalah berkaitan

pembentukan sahsiah & personaliti (3.89) diikuti mengurus rutin harian (3.86), pengetahuan (3.56) dan mengurus aktiviti kokurikulum (3.25). Perbandingan tahap kesediaan latihan mengajar dan pengalaman pembelajaran ditunjukkan di Rajah 2.

Analisis Rajah 2 di atas menunjukkan:

- (i) Pelajar berpendapat mereka mempunyai tahap pengetahuan (KP) yang lebih tinggi berbanding tahap kefahaman apabila mengikuti kuliah di universiti (PB).
- (ii) Pelajar berkeyakinan tinggi dapat menguruskan aktiviti kokurikulum di sekolah (KP) walaupun kurang mendapat pendedahan di universiti (PB).
- (iii) Pelajar kurang berkeyakinan dengan kemahiran mereka untuk mengajar (KP) walaupun telah mendapat bimbingan yang baik di universiti (PB).
- (iv) Pelajar kurang berkeyakinan dengan penampilan mereka di sekolah (KP) walaupun telah mendapat bimbingan yang baik di universiti (PB).
- (v) Pelajar kurang berkeyakinan untuk mengurus rutin harian apabila di sekolah (KP) walaupun menjalani latihan mengajar walaupun telah mendapat bimbingan di universiti (PB).



Rajah 2. Perbandingan persepsi pelajar terhadap pengalaman pembelajaran dan kesediaan menjalani latihan mengajar (pada skala 1 – 5)

Rumusan daripada analisis ini menunjukkan terdapat gap lebih tinggi KP-PB pada domain pengetahuan dan mengurus aktiviti kokurikulum, manakala nilai lebih rendah pada domain kemahiran mengajar, mengurus rutin harian dan penampilan (sahsiah & personaliti). Gap sebegini menunjukkan para pelajar bersedia daripada aspek pengetahuan dan kemahiran mengurus aktiviti kokurikulum sebaliknya mereka tidak yakin memiliki kemahiran mengajar, menampilkan diri di sekolah serta membuat persediaan untuk menjalani pratikum. Maklumbalas ini memberi petunjuk kepada institusi untuk memperhalusi rekabentuk dan struktur kurikulum bagi melahirkan graduan sepertimana diperlukan di industri.

Antara yang dicadangkan adalah:

- (i) Fakulti menilai secara berkala pendekatan pengajaran kursus-kursus berkaitan pedagogi agaknya ianya dapat dipelbagai dan ditambahbaik sesuai dengan perubahan dan suasana semasa di prasekolah. Latihan yang diberi seharusnya bersifat 'hand-on' dan memfokus kepada kemahiran individu berbanding penilaian kerja berkumpulan.
- (ii) Tugas-tugas yang diberi kepada pelajar sepanjang pengajian khususnya yang melibatkan hubungan dengan prasekolah hendaklah diselaraskan agar ianya dapat mencakupi setiap aspek kemahiran yang diperlukan. Kolaborasi antara pensyarah yang mengajar pelbagai kursus di semester yang berbeza perlu ditingkatkan agar setiap pelajar dapat membuat kaitan antara setiap tugas dengan amalan pengajaran dan rutin di prasekolah.
- (iii) Penawaran kursus-kursus berteraskan kemahiran insaniah disemak semula agar dapat diintegrasikan dengan keperluan silibus kursus teras bidang atau sebaliknya mengikut kesesuaian dan standard sesuatu bidang.

4. Kesimpulan

Maklumbalas pelajar di peringkat akhir pengajian boleh dianggap sebagai 'exit survey' dan ia amat penting untuk sesebuah institusi menilai rasional penawaran dan kualiti sesuatu program. Ia bukan sahaja dapat mengukur keberkesanan proses dalaman seperti kualiti pengajaran, pengurusan dan sebagainya berdasarkan satu kitaran lengkap pembelajaran malah dapat menyemak samada graduan yang dihasilkan dapat memenuhi kehendak industri. Berdasarkan konteks kajian ini, keyakinan tinggi untuk menjalani latihan mengajar diharapkan akan membolehkan pelajar menunjukkan mutu perkhidmatan terbaik sepanjang latihan sekaligus menarik minat pengusaha prasekolah menawarkan pekerjaan (kerjaya).

5. Rujukan

- Abbadeni, N., Ghoneim, A. and Alghamdi, A. (2013). Program educational objectives definition and assessment for quality and accreditation. *International Journal of Engineering Pedagogy (iJEP)*, 3(3), 33 – 46. Muat-turun pada 29 Sept 2019 daripada <http://dx.doi.org/10.3991/ijep.v3i3.2777>
- Ali, M.H., Ismail, A., Suleiman, N., & Tajuddin, M.A. (2016). Faktor pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia : Satu panduan untuk industri. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(2), 9 – 15. Muat-turun daripada http://journalarticle.ukm.my/10888/1/Artikel-2_Mohd-Helmi-Ali_FEP.pdf
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Sorensen, C. (2010). *Introduction to research in education* (8th ed.). California: Thomson Wadsworth. Dalam Boone, H.N. & Boone, D.A. (2012). Analyzing Likert data. *Journal of Extension*, 50(2). Muat-turun pada 28 Sept 2019 daripada https://www.joe.org/joe/2012april/pdf/JOE_v50_2tt2.pdf.
- Bank Negara Malaysia (2017). *Laporan tahunan 2016. Prospek dan dasar pada tahun 2017*. http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_publication&pg=bm_ar&ac=39&lang=bm
- Boone, H.N. & Boone, D.A. (2012). Analyzing Likert data. *Journal of Extension*, 50(2). Muat-turun pada 28 Sept 2019 daripada https://www.joe.org/joe/2012april/pdf/JOE_v50_2tt2.pdf.
- Borg, W. R. & Gall, M. D. (1983). *Educational research: An introduction*. New York: Longman Inc.
- Cronbach, L.J. (1963). *Course improvement through evaluation. Teacher college record*. New York: Teachers College, Columbia University.
- Dimon, Z., Azizan, N.I., Ismail, N., Abu Bakar, S., & Shaharuddin, H.N. (2017). Faktor yang mempengaruhi pelajar memilih bidang pengajian islam. *Malaysian Online Journal of*

- Education*, 1(1), 50-57. Muat-turun daripada http://journal.kuis.edu.my/omje/wp-content/uploads/2017/04/50-57_Vol.1_No.1_2017-1.pdf
- Dragan, V., Jelena, U., & Davor, K. (2016). Industry 4.0: The future concept and new vision of factory of the future development. *International Scientific Conference on ICT and E-Business Related Research*. <https://www.researchgate.net/publication/303561107>
- Fitzpatrick, Jody L., James R. Sander., Blaine R. Worthen. (2004). *Programme evaluation: Alternative approaches and practical guidelines*. United States of America: Pearson Education, Inc.
- Goh, P. S., & Matthews, B. (2011). Listening to the concerns of student teachers in Malaysia during teaching practice. *Australian Journal of Teacher Education*, 3(3), 92 – 103.
- IFTF (2011). Future Works Skills 2020. *Institute for the Future for University of Phoenix Research Institute*. Muat-turun daripada <http://www.iftf.org/futureworkskills/>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2017). *Laporan Kajian Tenaga Buruh 2016*. Muat-turun <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=SGZCnNMrWW9ZTEdpYys4YW0yRlhoQT09>
- Likert, R. (1932). *A technique for the measurement of attitudes*. Archives of Psychology, 22(140), 1–55. Dalam Boone, H.N. & Boone, D.A. (2012). Analyzing Likert data. *Journal of Extension*, 50(2). Muat-turun pada 28 Sept 2019 daripada https://www.joe.org/joe/2012april/pdf/JOE_v50_2tt2.pdf.
- Madaus, G. F. (1983). *The courts, validity and minimum competency testing*. Boston: Kluwer-njhoff.
- Makbul, Z.M., Yussof, I., & Awang, A.H. (2015). Antara realiti dan harapan – Kajian empirikal persepsi majikan terhadap prestasi graduan tempatan. *GEOGRAFIA Online TM Malaysian Journal of Society and Space*, 11(10), 27 – 36. Muat-turun daripada http://journalarticle.ukm.my/9531/1/3x.geografia-si-sept15-zafir_%281%29.pdf
- Muratova, E.A. & Marina S. Tayurskaya, M.S. (2014). *Stakeholders' evaluation of learning outcomes in educational programs improvement*. Proceedings of the 10th International CDIO Conference, Universitat Politècnica de Catalunya, Barcelona, Spain, June 16-19, 2014. http://www.cdio.org/files/document/cdio2014/112/112_Paper.pdf
- Mohamad Zamri, E., & Ahmad, N. (2017). Kajian terhadap kebolehpasaran graduan Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan, Politeknik Sultan Azlan Shah. e Proceeding National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'17). <https://upikpolimas.edu.my/conference/index.php/icomplex/icomplex17/paper/viewFile/281/117>
- Mohd Fuad, Naemas & Mohd Hilmi. (2014). *Praktikum di sekolah: Realiti menuju profesionalisme*. Penerbitan Multimedia.
- Mohd Sofi, A., Abdul Jalil, O., & Abdul Faruk, A.K. (2013). Issues and concerns faced by undergraduate language student teachers during teaching practicum experiences. *The Malaysian Online Journal of Educational Science*, 2(3): 22 – 30.
- Noor Azlan, A. A., & Mei, L.W. (2011). Bimbingan oleh guru pembimbing kepada guru pelatih Universiti Teknologi Malaysia. *Journal of Educational Psychology and Counselling*, 59 – 76.
- OECD (2017). *Malaysia's economic success story and challenges*. Economic Department Working Papers No. 1369 Muat-turun <https://www.oecd.org/eco/Malaysia-s-economic-success-story-and-challenges.pdf>
- Ornstein, A. C., & Hunkins, F. P. (2009). *Curriculum: Foundations, principles and issues*. United States: Pearson.
- Rahman, L.A., Mohammad, W.M., Md Isa, Z., & Ahmad, H. (2017). Corak kajian kebolehpasaran siswazah di Malaysia: Sorotan antara tahun 2010-2015. *Jurnal Sultan Alaudin Sulaiman Shah*, 4(2), 31-43. Muat-turun daripada http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files7/jsass_vol4bil2_003_Lubna.pdf
- Rowe, A. & Zegwaard, K. (2017). Developing graduate employability skills and attributes: Curriculum enhancement through work-integrated learning. *Asia-Pacific Journal of Cooperative Education*, 18: 87 – 99. Muat-turun pada 29 Sept 2019 daripada

- https://www.researchgate.net/publication/327791143_Developing_graduate_employability_skills_and_attributes_Curriculum_enhancement_through_work-integrated_learning
- Ruhani, M. M. (2012). Impact of the supervisory relationship on trainee development. *International Journal of Business and Social Science*, 3(18), 168 – 177.
- Salleh, M. (2016). Keberkesanan latihan praktikum berasaskan kepada perkembangan identiti professional guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia. Muat-turun daripada http://eprints.usm.my/31730/1/TESIS_MAHAYA_SALLEH_JUN_2016.pdf
- Scriven, M. (1991). *Key Evaluation Checklist*. In M. Scriven. *Evaluation thesaurus*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Smith, M. F. (1994). Evaluation: Review of the past, preview of the future. *Evaluation Practice*, 15, 215-227.
- Stufflebeam, D.L. (1971). The relevance of CIPP evaluation model for educational accountability. *Journal of Research and Development in Education*, 5(1): 19-25.
- Sural, I. (2017). 21st century skills level of teacher candidates. *European Journal of Education Studies*, 3(8), 530 – 538. Muat-turun pada 27 Sept 2019 daripada <https://oapub.org/edu/index.php/ejes/article/view/949>
- Tyler, R. W. (1950). *Basic principles of curriculum and instruction*. Chicago: University of Chicago Press.
- van Elst, H. (2019). *Foundations of descriptive and inferential statistics (version 4)*. DOI: 10.13140/RG.2.1.2112.3044
- Worthen, B. R., & Sanders, J. R. (1973). *Educational evaluation. Theory and practice*. Belmont, CA: Wadsworth.